



MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
[JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN]
- PEKELILING -

selangorku

"KEJUJURAN DAN KETEKUNAN"

Fail : MBSA/PTD/SM/100-1/1 Jld. 3 (**31**)

Tarikh : 28 April 2013
14 Rabiulakhir 1434H

Kepada;

Semua Warga Kerja
Majlis Bandaraya Shah Alam

Tuan/ Puan,

BAYARAN KHAS SELANGORKU

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa pihak Majlis melalui Mesyuaratnya yang telah diadakan pada 24 April 2013 telah bersetuju memberi Bayaran Khas Selangorku sebanyak **RM300.00**. Pembayaran ini akan dibayar kepada semua Ahli Majlis, Warga Kerja MBSA yang dilantik sebelum atau pada 29 Mac 2013 serta kakitangan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang ditempatkan di MBSA. Bayaran tersebut akan dibayar ke dalam akaun **Lembaga Tabung Haji** bagi kakitangan beragama Islam dan **Sijil Simpanan Premium (BSN)** bagi bukan beragama Islam.


3. Sehubungan itu Ahli Majlis dan warga kerja MBSA yang belum pernah menerima Bonus Simpanan Selangorku diminta mengemukakan salinan muka depan buku akaun simpanan Lembaga Tabung Haji bagi yang beragama Islam manakala kakitangan bukan Islam diminta mengemukakan salinan kad pengenalan bagi urusan pembayaran. Salinan tersebut hendaklah dikemukakan ke Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Khidmat Pengurusan atau di Bahagian Gaji, Jabatan Kewangan tidak lewat pada **3 Mei 2013**.

4. Bagi warga kerja yang masih belum membuka akaun di Lembaga Tabung Haji boleh berbuat demikian dengan mendapatkan Borang Permohonan Membuka akaun di Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Khidmat Pengurusan atau di Bahagian Gaji, Jabatan Kewangan. Borang yang telah lengkap diisi beserta wangtunai RM2.00 hendaklah dihantar ke Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Khidmat Pengurusan **selewat-lewatnya pada 30 April 2013**.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

*** BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ***

Saya yang menjalankan tugas,


(MADIYAN BIN BAWEH)

Timbalan Pengarah Khidmat Pengurusan
b.p. Datuk Bandar

JB/MFAM/MAS/ra - bayaran kenaikan gaji

s.k. - Datuk Bandar
- Timbalan Datuk Bandar